



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Tarikh : 2 Januari 2019**

**Bil. 1/2019**

**Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2**

---

### **PELAKSANAAN JOM SIHAT UMS**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pelaksanaan Jom Sihat UMS.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Hari Sukan Negara disambut pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Sambutan ini adalah inisiatif Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan'.
- 2.2 Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya sempena Kempen WALK 2018 juga menyarankan kakitangan pejabat kerajaan dan swasta untuk berhenti seketika dan melakukan senaman mudah selama 15 minit bagi menggalakkan amalan budaya hidup sihat.
- 2.3 Selaras dengan hasrat tersebut, Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU), Bil.6/2018 (Siri 2) Kali Ke-225 pada 20 Disember 2018 bersetuju untuk melaksanakan Jom Sihat UMS pada setiap hari Rabu bermula jam 4 petang.
- 2.4 Tujuan utama Jom Sihat UMS adalah untuk menerapkan budaya bersukan, cergas dan aktif dalam kalangan warga Universiti.

### 3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Jom Sihat UMS diadakan pada setiap hari Rabu bermula jam 04.00 petang kecuali jika hari tersebut adalah cuti umum.
- 3.2 Semua kakitangan termasuk Ahli Akademik dan Kumpulan Perkhidmatan Pentadbiran diberi kelonggaran serta dibenarkan untuk menyertai aktiviti sukan dan rekreasi pada hari yang dinyatakan tersebut.
- 3.3 Aktiviti ini hendaklah diadakan di dalam kampus sebagai menyokong objektif pelaksanaan Jom Sihat UMS iaitu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan kakitangan serta menikmati keindahan kampus Universiti Malaysia Sabah.
- 3.4 Ketua Jabatan hendaklah memantau pergerakan kakitangan dan mengambil tindakan wajar sekiranya didapati kakitangan menyalahgunakan masa yang diperuntukkan.
- 3.5 Untuk kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan dengan agensi lain, Ketua Jabatan hendaklah memastikan kakitangan yang bertugas di barisan hadapan berada di dalam pejabat sehingga tamat waktu operasi.

### 4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 2 Januari 2019.

#### "BERTEKAD CEMERLANG"



**AIDAH NOORDIN**  
Pemangku Pendaftar

Tarikh : 2 Januari 2019

s.k.:

- ☞ Naib Canselor
- ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- ☞ Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- ☞ Penolong Naib Canselor